

# ACUGRAIN TABLET

Pizotifen malate (0.5mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ACUGRAIN
2. Bagaimana ACUGRAIN berfungsi
3. Sebelum menggunakan ACUGRAIN
4. Cara menggunakan ACUGRAIN
5. Semasa menggunakan ACUGRAIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ACUGRAIN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan ACUGRAIN

Ubat ini digunakan untuk mencegah sakit kepala vaskular, ini termasuklah migrain, sakit kepala kelompok dan sakit kepala vasomotor.

Sakit kepala vaskular adalah dipercayai disebabkan oleh perubahan sementara dalam saiz salur darah yang kecil dalam otak.

## Bagaimana ACUGRAIN berfungsi

ACUGRAIN mengandungi bahan aktif Pizotifen malate. Ia mencegah serangan dengan menghentikan salur darah daripada berubah saiz.

ACUGRAIN hanya digunakan untuk mencegah sakit kepala yang serius daripada berlaku. Ia tidak menghentikan serangan jika ia telah bermula.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan ACUGRAIN dibekalkan kepada anda. Doktor anda mungkin membekalkan ACUGRAIN untuk tujuan lain.

## Sebelum menggunakan ACUGRAIN

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- Pizotifen malate, bahan aktif
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini

Jangan mengambil ACUGRAIN selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan ACUGRAIN

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:

- Tekanan meningkat dalam mata akibat glaukoma
- Sukar buang air kencing, akibat masalah prostat atau sebarang sebab yang lain

Beritahu doktor anda jika anda hamil, bercadang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda tentang risiko dan manfaat ubat ini.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil ACUGRAIN.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan ACUGRAIN boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuklah:

- Ubat yang digunakan untuk menenangkan anda, merawat kegelisahan atau membantu anda tidur
- Ubat yang terkandung dalam persediaan ubat batuk, selesema dan alahan (antihistamin)

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh ACUGRAIN atau mungkin menjejaskan fungsinya.

Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat lain yang perlu diberi perhatian semasa mengambil ACUGRAIN atau yang perlu dilakukan.

### **Cara menggunakan ACUGRAIN**

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

#### **- *Berapa banyak harus digunakan***

Dos permulaan adalah satu biji diambil setiap hari. Dos ini akan dinaikkan kepada tiga biji sehari.

Jika sakit kepala anda masih tidak terkawal, doktor anda mungkin akan meningkatkan dos secara perlahan-lahan ke maksimum 3 hingga 4.5mg sehari, dibahagikan kepada dua atau tiga dos.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Mereka akan memberitahu anda kuantiti yang perlu diambil.

#### **- *Bila perlu digunakan***

Ia adalah lebih baik untuk mengambil ubat ini pada masa yang sama setiap hari.

#### **- *Berapa lama perlu digunakan***

Teruskan mengambil ACUGRAIN selagi diarahkan oleh doktor anda.

#### **- *Jika terlupa menggunakan***

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

#### **- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)***

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil ACUGRAIN, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

### **Semasa menggunakan ACUGRAIN**

#### **- *Perkara yang perlu dilakukan***

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Beritahu doktor anda jika, untuk sebarang sebab, anda tidak mengambil ubat ini seperti yang diarahkan.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ACUGRAIN.

Beritahu doktor anda jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil ACUGRAIN.

#### **- *Perkara yang tidak boleh dilakukan***

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan mengambil ACUGRAIN untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

#### **- *Perkara yang perlu diberi perhatian***

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana ACUGRAIN mempengaruhi anda.

ACUGRAIN boleh menyebabkan rasa mengantuk atau pening terutamanya semasa anda mula-mula mengambil ubat ini. Jika anda mengalami gejala-gejala ini, jangan memandu, mengendalikan mesin atau melakukan perkara-perkara yang berbahaya.

Jika anda minum alkohol, rasa pening atau mengantuk akan bertambah teruk.

### **Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Kesan-kesan sampingan termasuklah:

- Pening
- Mulut kering
- Sembelit terutamanya pada kanak-kanak
- Ketakutan
- Peningkatan selera makan dan berat badan bertambah
- Oedema (pembentukan cecair dalam darah)
- Pening
- Hipotensi (tekanan darah rendah)
- Ruam pada kulit
- Sakit otot
- Paraesthesia (sensasi dan tidak normal dalam organ area kulit seperti rasa terbakar, kebas)
- Mati pucuk

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, or atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan ACUGRAIN**

#### **- Penyimpanan**

Simpan ubat anda dalam pekny. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan ACUGRAIN atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau di atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

#### **- Pelupusan**

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil ACUGRAIN atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

### **Maklumat lanjut**

#### **- Rupa dan warna produk**

Pil 7mm, berbentuk bulat, bergores, berwarna kuning dengan tanda 'DUOMA/DUOMA' & 'DUO/2'

#### **- Bahan-bahan kandungan**

Bahan aktif:

- Pizotifen malate

Bahan tidak aktif:

- Aerosil
- Promigel
- Quinolone Yellow
- Tepung jagung
- Polyvinyl pyrrolidone
- Laktosa
- Magnesium stearate

#### **- Nombor MAL**

MAL20012733AZ

### **Pengilang**

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RIMUP**

18/11/2015

### **Nombor siri**

BPFK(R4/1)181115/00437